

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 05/09/2007

Jadikan tambah nilai budaya kerja

UM - 5/9/2007

PUTRAJAYA 4 Sept. - Rakyat akan menjadi lebih maju sekiranya mereka menjadikan nilai tambah sebagai satu budaya dalam setiap pekerjaan yang dilakukan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, jika usaha menambah nilai pada diri sendiri tidak dilakukan maka kejumudan akan timbul sekali gus menghancurkan dan merobohkan sesuatu tamadun.

"Itulah yang saya nak kempen sekarang. Kita ada misi nasional. Misi nasional ada lima teras dan teras itu adalah pendekatan yang dalam amalannya berterusan tahun demi tahun atau selama-lamanya.

"Manusia perlu sentiasa meningkatkan kemajuan diri, ini termasuklah pembangunan modal insan dan minda kelas pertama.

"Kita mesti tambah nilai. Kalau kita tak tambah nilai kita akan menghasilkan sesuatu barang yang macam itu juga tahun demi tahun," katanya.

Abdullah berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Dialog Pembangunan Daerah 2007, pelancaran Sistem e-Merah serta Portal I Cerve U di sini hari ini.

Hadir sama ialah beberapa Menteri Besar, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

Sistem e-Merah merupakan pangkalan maklumat profil daerah berdasarkan sistem manual Buku Merah yang asal dan ditambah baik dengan keperluan baru mengikut keadaan dan keupayaan teknologi semasa.

Abdullah memberikan contoh promosi batik yang membawa kepada usaha menambah nilai kerana suatu masa dulu batik hampir pupus dan hanya digunakan di kawasan tertentu.

"Arwah Endon (Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood) suka batik dan dia nak mengubah dan majukan batik. Maka usaha-usaha mempromosi batik membawa kepada menambah nilai daripada rekaan, bawa bersama pereka yang ternama dan minta mereka mengambil bahagian.

"Pereka tersebut gunakan kain yang lebih tinggi nilai dan harganya maka batik sekarang ini sudah tinggi nilainya dan diterima di peringkat antarabangsa. Ia menjadi produk Malaysia bernilai tinggi yang digunakan oleh pereka-pereka fesyen

yang masyhur," katanya.

Atas sebab itu, katanya, harga sehelai batik boleh mencecah RM7,000 terutama jika direka oleh pereka terkenal sedangkan dahulu batik hanya digunakan di Kelantan dan Terengganu.

"Begitu juga songket, Endon dah mula tapi tak sempat buat susulan. Sekarang Raja Permaisuri Agung (Tuanku Nur Zahirah) memberi perhatian kepada songket. Songket akan jadi satu lagi barang hasil cipta yang akan meningkat nilai dan pasarnya," kata Abdullah.

Dalam pada itu, ketika berucap pada majlis berkenaan, Perdana Menteri berkata, antara kejayaan besar negara ialah perancangan dalam bidang pendidikan sehingga melahirkan ramai rakyat yang berpengetahuan.

Melaluinya, kata beliau, Malaysia berjaya membangunkan ekonomi tanpa bantuan dari luar dan ini membolehkan anak-anak tempatan memajukan negara sehingga berjaya.

Katanya, begitu juga dengan bidang lain termasuk pertanian yang telah memberikan sumbangan kepada pembangunan negara.